

Pekerja berjimat cegah inflasi: PM

KUALA LUMPUR: Rakyat khususnya golongan pekerja diminta berjimat-cermat di samping meningkatkan produktiviti dalam usaha melawan inflasi berikutan pendapatan yang semakin bertambah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengambil langkah yang berkesan bagi memastikan kadar inflasi di negara ini terus terkawal.

Menurutnya, langkah itu termasuk meneruskan dasar-dasar kewangan yang ketat bagi mengurangkan perbelanjaan dan berjimat-cermat selaras hasil pendapatan negara.

"Pekerja boleh membantu dengan tidak menuntut kenaikan gaji. Kenaikan gaji yang tidak selaras produktiviti akan menyebabkan pendapatan bertambah menjadi sia-sia.

"Justeru itu, adalah penting bagi pihak pekerja supaya tidak mendedar hasutan kesatuan sekerja asing dengan menuntut upah yang tidak munasabah dan berlebihan.

"Di samping itu, rakyat

keseluruhannya mesti mengamalkan jimat-cermat serta berhati-hati ketika berbelanja selain berusaha meningkatkan tabungan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di Majlis Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang di-Perutusan Agong, Sultan Azlan Shah di Istana Negara di sini, semalam.

Mengenai pelaburan dalam negara, katanya, kerajaan akan terus mengamalkan dasar yang liberal bagi menggalakkan pelaburan, terutamanya pelaburan asing di samping memperbaiki kemudahan infrastruktur.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan bimbang kenaikan kos disebabkan tuntutan gaji berlebihan menyebabkan 'competitive edge' iaitu kelebihan kos pekerja yang rendah berbanding negara maju akan hilang.

Mengulas strategi menambah pendapatan negara, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menggalakkan kegiatan pelancongan sebagai se-

Sikap tolak ansur eratkan perpaduan

DARI MUKA 1

bahagian usaha meningkatkan pendapatan.

Menurutnya, mengikut Rancangan Malaysia keenam (RM6), teras pembangunan pelancongan adalah bertujuan memperluas dan mempelbagaikan aktiviti serta asas pelancongan.

"Ini kerana pelancongan dijangka dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah serta perwujudan pelbagai rangkaian sektor lain dalam pembangunan ekonomi negara," katanya.

Sehubungan dengan itu, katanya, kerajaan menetapkan 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia dan persiapan dibuat bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Menyentuh mengenai perpaduan pelbagai kaum di negara ini, menurutnya, perpaduan dan keamanan yang dirikmati Malaysia adalah berpunca daripada sikap tolak ansur rakyatnya.

Perdana Menteri yang mewakili kerajaan dan rakyat kemudiannya mengucapkan tahniah kepada Sultan Azlan Shah sempena ulang tahun Hari Keputeraannya dan berdoa semoga dilanjutkan usia dan berada dalam sihat sejahtera.

LIHAT MUKA 2